

Dijangka mula beroperasi awal September ini

# Klinik kesihatan UMSKAL kini siap

UM 21.8.13 26

Oleh SITTI NOR AZIZAH TALATA

pengarang@utusan.com.my

**LABUAN** 20 Ogos - Klinik Warga Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) yang dibina khusus untuk kegunaan universiti itu bakal beroperasi awal September ini.

Klinik dua tingkat itu terletak di sebuah rumah berkembar berhampiran kolej kediaman pelajar perempuan dan kakitangan serta mudah dikunjungi bagi mendapatkan rawatan awal.

Pengarah UMSKAL, Prof. Madya Dr. Ismail Ali berkata, klinik tersebut disediakan untuk memudahkan mahasiswa dan kakitangan mendapatkan rawatan awal bagi penyakit ringan seperti demam, sakit perut dan pening kepala.

Katanya, mereka boleh mendapatkan rawatan awal itu bermula pukul 6 hingga 10 malam pada setiap Isnin, Rabu dan Jumaat dengan membawa buku rawatan yang disediakan pihak uni-

versiti.

"Pembinaan kemudahan itu merupakan satu perkembangan positif terhadap usaha pihak pengurusan UMSKAL untuk menyediakan perkhidmatan perubatan kepada pelajar sama seperti yang dinikmati pelajar di Kampus Induk di Kota Kinabalu.

"Kami sentiasa prihatin dengan kebaikan pelajar dan kakitangan serta keluarga termasuk dari segi mendapatkan rawatan kesihatan ringan sebelum dirujuk ke hospital atau klinik untuk rawatan selanjutnya," katanya.

Majlis perasmian Klinik Warga UMSKAL disempurnakan oleh Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Mohd. Harun Abdullah, baru-baru ini.

Yang turut hadir, Timbalan-timbalan Naib Canselor, Prof. Dr. Shariff Abdul Kadir Omang (Akademik dan Antarabangsa) dan Prof. Dr. Shahril Yusof (Penyelidikan dan Inovasi) serta Pengarah Jabatan Kesihatan Labuan, Dr. Zaini Husin.

Ismail turut mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Kesihatan Labuan yang memberikan kerjasama dan komitmen sehingga Klinik Warga itu berjaya direalisasikan untuk kebaikan pelajar dan kakitangan UMSKAL.

Dalam pada itu, beliau menambah, bagi kes kecemasan, pelajar dan kakitangan masih perlu merujuk kes tersebut di hospital maupun klinik swasta untuk mendapatkan rawatan lanjut.

Justeru, Ismail berharap dengan adanya Klinik Warga itu akan meringankan beban pelajar dan kakitangan kerana tidak perlu lagi ke hospital untuk mendapatkan rawatan terutama pada waktu malam.

"Klinik Warga itu juga mampu menjimatkan tenaga, masa dan kewangan pelajar serta kakitangan untuk mendapatkan rawatan awal," ujarnya.

Antara kemudahan yang disediakan di Klinik Warga itu termasuk bilik pemeriksaan, ruang rawatan, bilik doktor dan bilik mesyuarat.



MOHD. Harun Abdullah (kanan) memotong riben bagi merasmikan Klinik Warga UMSKAL di Labuan, Sabah, baru-baru ini.



SEBAHAGIAN daripada pelajar Kolej Pusat Teknologi dan Pengurusan Lanjutan Sarawak dan SMK Datuk Patinggi Haji Abdul Gapor menyertai pertandingan boling persahabatan di Kuching, Sarawak, baru-baru ini.

## Boling erat hubungan PTPL dengan pelajar sekolah

KUCHING 20 Ogos - Kolej Pusat Teknologi dan Pengurusan Lanjutan (PTPL) Sarawak baru-baru ini menganjurkan pertandingan boling persahabatan bagi mengeratkan hubungan dengan pihak luar.

Pengetua kolej berkenaan, Aidil Adzhar Abu Samah berkata, pertandingan yang dianjurkan bersama Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Datuk Patinggi Haji Abdul Gapor di sini melibatkan seramai 30 pelajar.

Katanya, program yang dianjurkan pertama kali melibatkan pelajar sekolah itu berjaya membuka minda para pelajar dengan kemahiran berkomunikasi.

"Kita telah merancang mengadakan program seperti ini sejak awal tahun lagi dan alhamdulillah akhir-

nya berjaya dilaksanakan malah objektif penganjuran juga berjaya disampaikan kepada setiap pelajar.

"Kesemua pelajar yang terlibat akan bermain secara berpasukan bagi melatih budaya kerjasama dan berusaha dalam mencapai kemenangan bersama," katanya di sini baru-baru ini.

Mengulas lanjut Aidil Adzhar berkata, selain dapat mengeratkan hubungan antara kedua-dua pihak, para pelajar juga mampu menghilangkan tekanan belajar dengan aktiviti bersukan.

Katanya, kerjasama seumpama ini tidak terhenti di sini, malah PTPL akan turut merancang beberapa peluang pengendalian program atau aktiviti yang bakal dilaksanakan dengan sekolah lain pula.